

Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan Jabatan Landskap Negara

POLISIPENGURUSANPERCANGGAHANKEPENTINGAN/JLN/O1/2026

KELUARAN: 01/2026

PINDAAN: 00/2026




Disediakan oleh:

Unit Integriti
Jabatan Landskap Negara

Diluluskan oleh:

Mansor bin Mohamad
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

Tandatangan Pelulus:

Tarikh: 
3/8/2026

Kandungan

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	PENDAHULUAN	3
2	TUJUAN	3
3	PEMAKAIAN	3
4	TAFSIRAN	3
5	PERNYATAAN DASAR	5
6	PEMATUHAN	6
7	TARIKH KUATKUASA	7
8	PERTANYAAN	7
9	LAMPIRAN	
	- Aku Janji Percanggahan Kepentingan	8
	- Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan	9

Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan

1. PENDAHULUAN

Penjawat awam dan anggota pentadbiran yang berkhidmat di Jabatan Landskap Negara (JLN) bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan penuh integriti dan akauntabiliti, selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkukuh serta memantapkan tadbir urus dalam sistem pentadbiran awam Malaysia. Warga JLN yang menggunakan jawatan atau kedudukannya bagi mendapatkan apa-apa keuntungan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya boleh menjejaskan ketelusan serta keadilan dalam setiap tindakan atau proses membuat Keputusan. Perbuatan ini merupakan satu kesalahan jenayah yang boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Sehubungan dengan itu, polisi ini digubal sebagai panduan kepada warga JLN dan diharapkan dapat mengelakkan berlakunya sebarang bentuk percanggahan kepentingan sekali gus mengekang amalan rasuah secara efektif.

2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan untuk memberikan panduan kepada warga JLN dalam menguruskan isu percanggahan kepentingan semasa melaksanakan tugas di Jabatan.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga JLN sama ada pegawai lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan.

4. TAFSIRAN

4.1 Percanggahan Kepentingan

Membuat apa-apa Keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubung dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

4.2 Warga JLN

Merujuk kepada mana-mana orang yang sedang berkhidmat dan menerima saraan daripada JLN termasuklah pegawai lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan.

4.3 Ketua Jabatan

Seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu Jabatan.

4.4 Saudara dan Sekutu

Merujuk kepada tafsiran “saudara” atau “sekutu” di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694] seperti berikut:

“saudara” berhubungan dengan seseorang, ertinya:-

- a) Isteri atau suami orang itu;
- b) Adik atau abang atau kakak orang itu;
- c) Adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- d) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- e) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- f) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- g) Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- h) Menantu orang itu

“sekutu” berhubungan dengan seseorang, ertinya:-

- a) Mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- b) Mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- c) Mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya.

4.5 Anggota Pentadbiran

Merujuk kepada tafsiran “Anggota Pentadbiran” di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

Berhubung dengan Persekutuan, ertinya seseorang yang memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik dan, berhubung dengan sesuatu Negeri, ertinya seseorang yang memegang sesuatu jawatan yang bersamaan di dalam Negeri itu atau yang memegang jawatan sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (selain anggota kerana jawatan).

5. PERNYATAAN DASAR

5.1 JLN berpendirian teguh dalam memastikan prinsip integriti dan tadbir urus yang baik sentiasa diutamakan serta menjadi pegangan asas, agar semua warga JLN mempunyai nilai integriti yang tinggi, sekali gus dapat memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang.

5.2 Situasi yang boleh menimbulkan konflik kepentingan termasuk:

- a) Mengambil bahagian dalam membuat keputusan berkaitan perolehan, urusan pengambilan pekerja, penilaian prestasi, tindakan disiplin, dan kenaikan pangkat yang melibatkan saudara dan sekutu; dan
- b) Pegawai yang mempunyai hubungan keluarga dan bertugas dalam Kementerian yang sama, tidak boleh ditempatkan dalam bahagian/seksyen/cawangan/unit yang sama, atau berada dalam hubungan tugas yang melibatkan kawalan, pengawasan, penilaian prestasi, mahupun membuat keputusan yang memberi kesan secara langsung antara satu sama lain bagi mengelakkan sebarang bentuk percanggahan kepentingan kecuali atas dasar kepentingan perkhidmatan.

5.3 Tindakan yang boleh dibuat sekiranya terdapat percanggahan kepentingan:

- a) Pegawai X yang menganggotai jawatankuasa pemilihan tender hendaklah mengisytiharkan kepentingannya sekiranya salah satu syarikat adalah milik saudaranya atau sekutunya. Beliau perlu menarik diri daripada mesyuarat tersebut bagi mengelakkan sebarang penglibatan dalam proses membuat keputusan. Urus setia mesyuarat bertanggungjawab merekodkan pengisytiharan dan penarikan diri ini di dalam minit mesyuarat.
- b) Sekiranya pengerusi mesyuarat sendiri yang mempunyai kepentingan, mesyuarat tersebut hendaklah dikendalikan oleh pegawai paling kanan yang hadir sebagai pengerusi ganti. Namun, mesyuarat wajib ditangguhkan sekiranya tiada pegawai yang sesuai untuk mengambil alih tugas tersebut.
- c) Pegawai Y, selaku Pembantu Tadbir di sebuah Jabatan, telah diarahkan oleh pegawai atasannya untuk mendapatkan tiga sebut harga perkhidmatan makan minum bagi perolehan secara pembelian terus. Bagi mengelakkan percanggahan kepentingan, Pegawai Y hendaklah memastikan sebut harga tersebut tidak diperolehi daripada syarikat milik peribadi, saudara, mahupun sekutunya.

6. PEMATUHAN

- 6.1** Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang, peraturan, pekeliling, garis panduan dan arahan berkaitan yang sedang berkuat kuasa.
- 6.2** Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan ini tidak menggantikan mana-mana proses pengisytiharan kepentingan yang telah dan sedang berkuat kuasa dibawah sebarang undang-undang, peraturan, pekeliling, garis panduan dan arahan.
- 6.3** Kegagalan atau keengganan warga JLN mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

7. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa polisi ini adalah dari tarikh kelulusan Ketua Pengarah JLN.

8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada:

Unit Integriti

Jabatan Landskap Negara

Nombor Telefon: 03 – 8091 0522 / 0523 / 0524

E-mel: integritijln@jln.gov.my



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

AKU JANJI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan & Gred :

Bahagian/Unit :

1. Saya dengan ini mengaku bahawa saya tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan yang melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) semasa menjalankan tugas rasmi di Jabatan Landskap Negara (JLN).
2. Saya berjanji sekiranya saya mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisytiharkan kepentingan tersebut secara bertulis kepada Ketua Jabatan dan menarik diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.
3. Saya akur sekiranya mengingkari aku janji ini atau didapati telah memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan Pegawai :

Nama :

Jawatan :

Bahagian/Unit :

Tarikh :

Nota: Borang ini hendaklah diisi dan diserahkan kepada Ketua Jabatan serta direkodkan.



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

BORANG PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

NAMA :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan & Gred :

Bahagian/Unit :

Saya mengisytiharkan bahawa saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam proses kerja/mesyuarat atau perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas-tugas saya sebagai kakitangan Jabatan Landskap Negara. Butir-butir proses kerja atau perkara berkenaan dinyatakan seperti berikut:

Individu/Syarikat/Organisasi Bernama:
adalah merupakan

(Sila nyatakan hubungan dengan individu/syarikat/organisasi di atas)

dan saya merupakan

(Sila nyatakan peranan pegawai dalam proses kerja atau perkara yang diuruskan)

Sehubungan itu, saya dengan ini memohon **penarikan diri atau dikecualikan** daripada terlibat dalam apa-apa proses kerja/mesyuarat yang berkaitan.

Tandatangan Pegawai :

Nama :

Jawatan :

Bahagian/Unit :

Tarikh :

Nota: Borang ini hendaklah diisi dan diserahkan kepada Ketua Jabatan serta direkodkan.